

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN NO. 229

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah reaksi pelabur terhadap terbitan Bon Samurai oleh Kerajaan Malaysia dan apakah hasil lawatan pihak Kementerian ke negara Jepun yang dibuat pada Januari lalu dalam mempromosikan terbitan Bon Samurai ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian telah mengadakan program *roadshow* mengenai penerbitan bon Samurai untuk bertemu dengan pelabur di Tokyo, Jepun dari 7 hingga 8 Februari 2019. Delegasi Malaysia telah dibahagikan kepada 2 kumpulan dan telah mengadakan 14 sesi pertemuan *one-to-one* dengan pengurus dana, pelabur dan penganalisis; 1 sesi pembentangan berkumpulan kepada lebih 30 buah institusi dan pengurus dana dan mesyuarat bersama *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC).
2. Program ini merupakan medium yang berkesan untuk berkomunikasi secara langsung kepada para pelabur yang besar dan berpotensi merangkumi pelbagai institusi kewangan mengenai maklumat dan kedudukan ekonomi Malaysia seterusnya meningkatkan keyakinan para pelabur serta memberikan kos yang lebih kompetitif.
3. Lanjutan daripada itu, pada 8 Mac 2019, Kerajaan telah berjaya menerbitkan bon Samurai dengan jaminan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) sebanyak 200 bilion yen, bertempoh matang 10 tahun dengan kos keseluruhan sebanyak 0.63% setahun. Penerbitan bon ini merupakan yang pertama dalam tempoh 30 tahun sejak penerbitan bon Samurai yang terakhir pada tahun 1989. Dengan saiz terbitan berjumlah 200 bilion yen, ini adalah terbitan bon berdaulat dengan jaminan JBIC yang terbesar dalam pasaran kewangan Jepun. Di sini, perlu ditegaskan bahawa kos keseluruhan bon samurai ini adalah amat rendah pada 0.63% apabila dibandingkan dengan kos bon dollar US yang diterbitkan

menerusi Goldman Sachs pada bulan Mei 2012 iaitu sebanyak 5.99%. Perbandingan kos bon-bon terbitan ini adalah kerana sebab-sebab yang amat jelas sekali dan menunjukkan perbezaan pimpinan kerajaan yang dahulu dan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, sambutan yang diterima adalah amat memberangsangkan iaitu sebanyak 324.7 bilion yen (RM11.9 bilion). Ini merupakan lebihan langganan sebanyak 1.6 kali ganda berbanding saiz terbitan. Terbitan ini telah menerima tawaran belian daripada pelbagai institusi dan pelabur Jepun yang berkualiti di mana ia telah dilanggan oleh 46 pelabur Jepun iaitu bank-bank khusus (37.9%), bank-bank bandar (35%), syarikat insurans (13.9%), bank wilayah (6.5%), bank shinkin (3.8%) dan lain-lain (2.9%).